

Janji realistik mampu pikat pengundi luar bandar

Oleh Dr Ahmad Aizuddin Md Rami
bhrencana@bh.com.my

Undi daripada masyarakat luar bandar tidak kurang pentingnya dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), malah ia akan menentukan hala tuju penting dan signifikan kepada agenda pembangunan negara.

Berdasarkan senario PRU14, bukan mudah mana-mana calon dan parti menawan kerusi Parlimen luar bandar yang kini tidak memihak sama ada Barisan Nasional (BN), Perikatan Nasional (PN) mahupun Pakatan Harapan (PH).

Sebanyak 155 daripada 222 kawasan Parlimen dikategorikan sebagai luar bandar, sekali gus menjadi angka mampu mempengaruhi pembentukan kerajaan.

Pengundi luar bandar sebenarnya mempunyai tahap literasi politik baik, malah semakin matang menilai manifesto dan berupaya memilih pemimpin dengan tepat yang dianggap boleh mewakili mereka.

Isu penting seperti pembangunan sosioekonomi, kemiskinan, akses pendidikan, kesihatan dan ke-

naikan kos sara hidup sering dibangkitkan, malah soal survival pengundi luar bandar perlu diberi keutamaan oleh parti memerintah.

Berdasarkan kajian tinjauan kumpulan penyelidikan membabitkan 10 Parlimen luar bandar, hampir 72 peratus pengundi lebih cenderung memilih calon dikenali dan sentiasa bersama mereka sebelum pilihan raya lagi. Malah, perilaku pengundi ketika ini dilihat lebih 'tidak tetap' dalam membuat pertimbangan calon dan parti.

Justeru, calon dan parti ingin memenangi hati pengundi luar bandar perlu menawarkan janji realistik mengutamakan penyelesaian isu peluang pekerjaan luar bandar, bagaimana meningkatkan sosioekonomi golongan miskin, miskin tegar, B40, penyediaan perkhidmatan kesihatan lebih meluas, kebajikan belia dan menangani kenaikan kos sara hidup.

Pertingkat semula fungsi JPKK

Pemeriksaan semula institusi kepemimpinan pengurusan kampung seperti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) penting sebagai pemangkin proses pembangunan sosioekonomi luar bandar.

Ketika ini, amat sukar JPKK bergerak dise-

babkan sebahagian kerajaan negeri dan Persekutuan daripada gabungan parti berbeza hingga sukar mendapat peruntukan dan sokongan.

Pelbagai isu dibangkitkan terhadap keupayaan institusi kepemimpinan kampung ini yang dahulu menjadi jambatan penghubung antara rakyat dengan kerajaan. Berdasarkan rekod Kementerian Pembangunan Luar Bandar, terdapat 15,434 JPKK di seluruh negara.

Diakui pelbagai dasar diperkenalkan kerajaan seperti Dasar Pembangunan Luar Bandar dengan inisiatif program seperti Program Peningkatan Pendapatan, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Desa Lestari dan Bantuan Pendidikan (BAKTIDES) dan Pusat Komuniti Desa (PKD).

Ia wajar diteruskan dan diperkasa bagi memastikan kehidupan luar bandar lebih sejahtera, inklusif dan mampan, sekali gus kena dengan golongan sasaran.

Menjadi harapan pengundi luar bandar agar pembentukan kerajaan baharu stabil dapat memastikan perancangan pembangunan meneruskan kesinambungan inisiatif keprihatinan bantuan terhadap mereka, sekali gus membawa perubahan lebih signifikan dengan kehendak mereka.



Penyelidik Unit Literasi Dan Advokasi Politik (ADVOKASI) Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia (UPM)